

**ANALISIS PERBANDINGAN KONSEP  
IMKĀN AL-RU'YAH ANTARA KITAB  
FATĀWĀ AL-SUBKĪ OLEH TAQĪ AL-DĪN  
AL-SUBKĪ DAN AL-FATĀWĀ AL-KUBRĀ  
OLEH IBN TAYMIYYAH\***

**A Comparative Analysis of the Concept of  
*Imkān al-Ru'yah* between Kitab *Fatāwā al-  
Subkī* by Taqī al-Dīn al-Subkī and Kitab *al-  
Fatāwā al-Kubrā* by Ibn Taymiyyah**

**Nurul Syakirah Rahiman\*\*  
Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi\*\*\*  
Raihana Abdul Wahab\*\*\*\***

**ABSTRACT**

*Taqī al-Dīn al-Subkī was a scholar proficient in the field of fiqh and usul al-fiqh while Ibn Taymiyyah was a leading Hanbali thinker. Among their works are*

- 
- \* Kertas kerja ini telah dibiayai oleh geran penyelidikan IIRG002D-19FNW Penentuan Awal Bulan Hijrah: Analisis Perbandingan di Asia Tenggara.
- \*\* Master Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. sasya14061112@gmail.com
- \*\*\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. saifulanwar@um.edu.my
- \*\*\*\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. raihanawahab@um.edu.my

*Kitab Fatāwā al-Subkī and Kitab Fatawa al-Kubra. This study analyzes the comparison between the thoughts of Taqī al-Dīn al-Subkī and Ibn Taymiyyah on the concept of imkan al-ru'yah in determining the beginning of the month of hijrah. This is due to al-Subkī who accepted the concept of imkānal-ru'yah in the context of hisab as another method for the determination of the crescent moon, but which was rejected by Ibn Taymiyyah. This study adopts a qualitative approach and gathering of information is based on a content analysis of the two main books, namely Kitab Fatāwā al-Subkī and Kitab al-Fatāwā al-Kubrā. It is concluded that imkan al-rukyah had been discussed by both figures in their respective writings. Indeed, there is a clear difference in the acceptance of the concept of imkan al-rukyah.*

**Keywords:** *Taqī al-Dīn al-Subkī, Ibn Taymiyyah, crescent moon, imkān al-ru'yah*

## PENDAHULUAN

Penentuan awal Ramadan, hari raya Aidilfitri, awal Muharam, puasa, Isra' Mikraj dan lain-lain lagi ditentukan dalam bulan Hijrah. Setiap kemasukan baru bulan Hijrah ini dapat ditentukan daripada kaedah hisab dan *ru'yah*. Perbincangan mengenai penentuan awal bulan Hijrah berkait rapat dengan sistem kalendar qamari yang berpandukan kepada bulan iaitu bermula dengan fasa anak bulan (anak bulan) sehingga berakhir kitaran fasa bulan. Para ulama sependapat bahawa apabila anak bulan kelihatan pada hari cerapan anak bulan iaitu pada hari ke-29 Hijrah khususnya bagi bulan Ramadan, Syawal maka keesokannya boleh ditetapkan sebagai satu hari bulan Hijrah. Hal ini adalah berpandukan kepada dalil-dalil syarak daripada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Namun, apabila anak bulan tidak kelihatan pada hari tersebut, terdapat perbezaan pendapat terhadap kaedah yang perlu digunakan untuk menetapkan awal bulan Hijrah iaitu sama ada pada hari esoknya digenapkan kepada 30 hari, dikenali sebagai

kaedah istikmāl, ataupun ditentukan melalui kiraan astronomi yang dikenali sebagai kaedah hisab.

Bagi penentuan awal bulan khususnya awal Ramadan dan Syawal telah dibincangkan oleh Imam *Taqī al-Dīn al-Subkī* dan Imam *Ibn Taymiyyah* dalam kitab berkaitan fatwa. Makalah ini akan menganalisis pandangan kedua-dua tokoh ulama berkaitan konsep *imkān al-ru'yah* dalam penentuan awal bulan dalam kitab *Fatāwā al-Subkī* dan *al-Fatāwā al-Kubrā*. Penulisan ini dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu konsep penentuan awal bulan menurut *al-Subkī* dalam *Fatāwā al-Subkī*. Kemudian diikuti dengan konsep penentuan awal bulan menurut *Ibn Taymiyyah* dalam *al-Fatāwā al-Kubrā*. Seterusnya adalah analisis dan perbincangan dapatan mengenai konsep yang diketengahkan oleh kedua-dua tokoh tersebut sekali gus membuat rumusan serta kesimpulan yang diperoleh daripada analisis dan perbincangan.

### **KONSEP PENENTUAN ANAK BULAN OLEH TAQĪ AL-DĪN AL-SUBKĪ DALAM KITAB FATĀWĀ AL-SUBKĪ**

Imam *Taqī al-Dīn al-Subkī* di dalam kitabnya telah menyebutkan bahawa hisab boleh berperanan menentukan kesaksian kenampakan anak bulan seseorang sebagaimana firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلَةِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

*Terjemahan: "Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: "Bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi ibadah haji."*

(Surah al-Baqarah, 2: 189)

Beliau menjelaskan hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengan anak bulan. Menurut beliau, anak bulan sebagai penanda waktu-waktu pelbagai urusan manusia seperti waktu solat hari raya, zakat, sedekah, berpuasa Ramadan, hari Aidilfitri, berpuasa pada hari-hari putih, hari 'asyura, hari yang dimakruhkan berpuasa selepas setengah Syaaban, berpuasa enam di bulan Syawal, umur kambing, unta lembu yang perlu dibayar zakat, beri'tikaf bagi

yang bernazar, haji, wuquf, korban, aqiqah, sembelihan, jual beli, umur baligh, *musaqah* (perkongsian hasil tanaman), sewa, harta yang tercicir, pembubaran perkahwinan, sumpah (*ila'*), *kafarah* bersetubuh di siang hari (berpuasa), zihar, hukuman pembunuh dengan berpuasa, iddah disebabkan kematian, bagi wanita yang putus haid, kosongkan rahim (*istibrā'*), penyusuan, menasabkan anak kepada seseorang, pakaian isteri, diat dan pelbagai urusan lain-lain yang memerlukan untuk mengetahui waktu atau tempoh waktu untuk yang berkiatan dengan kalendar Hijrah.

Terdapat satu hadis yang diriwayatkan dari Ibnu 'Umar RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا عَقَدَ  
الْإِبْهَامَ فِي الثَّلَاثَةِ وَالشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا يَعْنِي تَمَامَ ثَلَاثِينَ

Maksudnya : “*Sesungguhnya kita adalah umat yang ummi, kita tidak menulis dan tidak menghitung. Bulan itu begini, begini, dan begini.*” Beliau menggenggam ibu jari pada kali yang ketiga. “*Dan bulan itu begini, begini, dan begini.*” Yakni sempurna tiga puluh.<sup>1</sup>

Imam *Taqī al-Dīn al-Subkī* menolak apa yang dikatakan oleh ahli falak dan hisab bahawa yang dikira sebagai permulaan bulan adalah apabila berlakunya *ijtima'* iaitu posisi bulan, bumi dan matahari berada pada satu garisan sejajar, maka ini adalah permulaan bulan baharu. Perkara ini tidak bertepatan daripada sudut syarak kerana menyalahi isyarat Nabi SAW iaitu sesungguhnya masyarakat arab ketika itu merupakan umat yang tidak boleh menulis dan tidak boleh mengira, maka tidak terdapat penulisan dan perkiraan daripada kalangan mereka.

Menurut syarak, penentuan sesuatu bulan adalah tempoh antara dua anak bulan, sama ada diketahuinya melalui kenampakan anak bulan ataupun melalui penggenapan bilangan tiga puluh hari yang disebabkan oleh tidak dapat melihat anak bulan. Sekiranya penentuan anak bulan berpandukan kepada *ijtima'*, dalam kes

<sup>1</sup> Hadis riwayat Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bab Qawl Nabi SAW (Lā naktub wa lā nahsub), no. hadis 1908. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl Abu 'Abd Allah al-Bukhārī al-Ja'afī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyah, 2001), 2: 33.

*ijtima'* yang berlaku sebelum subuh, maka puasa diwajibkan pada hari tersebut ke atas umat manusia. Namun begitu, Nabi tidak membenarkan perkara tersebut tetapi mereka perlu berpuasa pada keesokan harinya sebagaimana perkara ini disepakati dan tidak ada khilaf dalam kalangan ulama'. Mengikut al-Subkī, terdapat perselisihan dalam kalangan ulama apabila hisab mengatakan *ijtima'* telah berlaku, dan berlalu beberapa ketika (tempoh) serta telah mencukupi syarat *imkān al-ru'yah* tapi anak bulan tetap tidak kelihatan, maka ulama' berselisih pendapat sama ada perlu berpuasa atau tidak.

Begitu juga terdapat selisihan di kalangan ulama jika perkara tersebut berlaku adakah wajib atau harus untuk berpuasa sama ada untuk diri sendiri atau kepada orang lain, maka sebahagian ulama' mengharuskan agar diamalkan (berpuasa) kepada orang lain. Menurut al-Subkī, ulama yang bersetuju bahawa tidak wajib dan tidak harus untuk berpuasa dalam hal demikian, mereka berpegang kepada hadis sepertimana berikut:

إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ  
فَأَقْدِرُوا لَهُ

Maksudnya: “Apabila kamu melihatnya (anak bulan), maka berpuasalah dan apabila kamu melihatnya (anak bulan) maka berbukalah (akhirilah puasa Ramadan). Jika awan menutupi pandanganmu, maka hitunglah.”<sup>2</sup>

Dalam riwayat lain (فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ) yang bermaksud “Sempurnakanlah bilangan Syaaban kepada 30 hari”<sup>3</sup>, Para ulama bersetuju dengan hadis tersebut yang menunjukkan bahawa harus berpegang kepada kewujudan hilal *wujūdul hilāl* dan *imkan al-ru'yah*, sebagaimana penentuan waktu solat yang menggunakan hisab (hitungan) walaupun pada hari yang berawan, dan ini

<sup>2</sup> Hadis riwayat Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bab Qawl al-Nabiyy SAW “Sumū li Ru'yatihi wa Afthirū li Ru'yatihi”, no. hadis 1906. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl, Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī al-Ja'afi, *Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Dimashq: Dar Tuq al-Najah, 2001), 3: 27.

<sup>3</sup> Muḥammad bin Ismā'īl, al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis 1909.

adalah pandangan sebahagian daripada ulama'. Tetapi pendapat yang sah menurut al-Subkī adalah pendapat yang pertama dan bertepatan dengan maksud hadis iaitu hadis ini tidak bermaksud menolak hisab kerana hisab masih berperanan dalam menentukan kemungkinan kenampakan anak bulan (*imkān al-ru'yah*). Jika semata-mata *imkān al-ru'yah* sahaja, maka tidak wajib untuk berpuasa keesokan harinya kerana puasa dan Raya perlu berkait rapat dengan *ru'yah anak bulan*. Sekiranya anak bulan tidak kelihatan, maka disempurnakan bilangan bulan tersebut kepada tiga puluh hari. Penentuan awal puasa dan waktu solat adalah berbeza kerana kesalahan yang melibatkan kenampakan anak bulan ini lebih banyak seperti ketajaman mata manusia, kemahiran mencerap dan lain-lain berbanding dengan kesalahan dalam penentuan waktu solat yang mana pengiraannya itu menghampiri tepat.

Terdapat senario di mana hisab menunjukkan bahawa keadaan anak bulan itu masih tidak *imkān al-ru'yah*, seperti kedudukan anak bulan tersebut dekat dengan matahari, maka mustahil untuk melihatnya dengan pancaindera. Sekiranya terdapat penghabaran daripada seseorang atau lebih yang melihat anak bulan tersebut, maka perhabaran tersebut dianggap bohong atau terdapat kesalahan. Bahkan sekiranya walaupun terdapat seorang saksi ataupun dua orang saksi yang melihat anak bulan, maka penyaksian mereka juga tidak boleh diterima. Ini kerana, hisab itu *qat'ī*, sedangkan syahādah dan khabar itu kedua-duanya adalah *zhanni*. Maka, sesuatu yang *zhanni* tidak boleh menandingi yang *qat'ī*. Syarat dalam *bayyinah* adalah apa yang disaksikan itu mungkin diterima dari segi akal dan juga syarak. Dan sekiranya hisab secara pasti menunjukkan tidak *imkan*, maka mustahil diterima dari segi syarak akan kenampakan anak bulan tersebut. Syarak tidak akan menerima perkara yang mustahil. Syarak juga tidak akan menerima kewajipan puasa hanya dengan semata-mata terdapat saksi yang mengaku melihat anak bulan sedangkan penyaksian tersebut tidak benar.

Syarak tidak mengiktiraf untuk menerima kesaksian langsung daripada dua orang saksi yang melihat anak bulan dengan mata, akan tetapi perlulah diselidiki kesaksian tersebut adakah benar anak bulan tersebut adalah anak bulan. Tidak syak lagi, terdapat keadaan yang mana, orang yang menyaksikan anak bulan itu

kadang-kadang tersalah lihat dan menganggapnya anak bulan sedangkan itu bukan anak bulan. Dalam senario ini, terdapat beberapa keadaan. Yang pertama, mereka menyangkakan anak bulan tetapi sebenarnya bukan anak bulan. Yang kedua, mereka melihat objek yang menyerupai anak bulan. Yang ketiga, mereka mengaku melihat anak bulan sedangkan secara hakikatnya mereka tidak nampak anak bulan tersebut, namun, selepas beberapa hari barulah dapat dikesan akan kesilapan tersebut.

Justeru, setiap pengakuan yang yang dibuat bersandarkan penglihatan dan pendengaran perlu diselidiki oleh hakim terlebih dahulu sebelum mengesahkan pengakuan tersebut. Ini dapat diperolehi daripada keilmuan hakim, ataupun dengan merujuk kepada mereka yang *thiqah* dalam ilmu ini. Sekiranya hisab mengatakan bahawa tidak mungkin *ru'yah* (*'adam al-ru'yah*) maka tidak perlu diterima kesaksian. Maka perlu kekalkan bulan yang berlangsung dengan mencukupkan bilangan harinya kepada 30. Ini menunjukkan bahawa syarak tidak mengabaikan pendapat ahli hisab secara mutlak.

Maksud secara *qat'ī* di sini adalah sesuatu itu bukanlah diterima secara logik akal semata-mata, tetapi diasaskan daripada pemerhatian (cerapan), pengalaman yang luas, memerhatikan perjalanan bulan dan matahari, mengetahui tentang cahaya yang memungkinkan kenampakan anak bulan di mata manusia. Disebabkan manusia mempunyai had penglihatan yang berbeza, dalam sesetengah kes dikatakan anak bulan tersebut boleh dilihat, manakala bagi sesetengah kes lainnya, anak bulan tersebut tidak mungkin dilihat, maka bagi hal ini, perlu bersandarkan kepada adat kebiasaan kemungkinan anak bulan boleh kelihatan sebagaimana diketahui bahawa anak bulan ini merupakan jasad samawi yang berada jauh dari pencerap.

Sekiranya diberitahu kepada kita, seseorang telah melihat objek yang terlampau jauh dari kedudukannya (mengambil masa sehari perjalanan) dan terdapat saksi yang mengaku akan kenampakan tersebut, maka tidak boleh diterima khabar penyaksian itu. Walaupun perkara ini adalah mungkin dari segi akal, tetapi ia mustahil dari segi adat kebiasaan. Begitu juga halnya, jika terdapat seorang atau lebih yang mengaku menyaksikan anak bulan tetapi hakikatnya kesaksian mereka itu boleh jadi salah

atau pembohongan dengan kenampakan anak bulan tersebut, maka boleh ditolak pengakuan itu. Kerana *imkan* (kriteria yang memungkinkan anak bulan kelihatan) merupakan syarat untuk kita mengenal pasti sama ada saksi itu berbohong atau tersalah dalam penyaksian anak bulan tersebut. Dalam hal ini, hakim perlu sedar dan tidak tergesa-gesa untuk menerima penyaksian sehingga betul-betul dipastikan anak bulan tersebut telah *imkan* ataupun tidak.

Hakim perlu berhati-hati supaya tidak tergesa-gesa menerima penyaksian daripada kedua-dua orang saksi itu, dengan menyelidiki keadaan anak bulan tersebut sama ada *imkan* ataupun tidak dan mengenal pasti kategori *imkan* anak bulan tersebut. Adakah penglihatan mereka berdua itu termasuk dalam kategori *imkan* tersebut, walaupun anak bulan telah *imkan*, dan juga syarat kesaksian telah dipenuhi, Hakim juga perlu berhati-hati dan tidak tergesa-gesa untuk menerima kesaksian.

Dalam kategori *imkan* pula, sekiranya secara pasti tidak *imkan*, maka mudah bagi hakim untuk menolak penyaksian. Hakim boleh mengenal pasti *imkan* anak bulan melalui pengetahuannya atau perkhabaran daripada seorang atau dua orang yang boleh dipercayai keilmuan mereka. Bagi keadaan yang mana anak bulan tidak pasti sama ada *imkan* ataupun tidak, maka hakim perlu memeriksa secara terperinci dan melakukan ijtihad berkenaan kenampakan anak bulan tersebut kerana peratusan untuk berlaku kesilapan adalah tinggi. Sekiranya anak bulan tersebut memenuhi *imkan* dan kemungkinan boleh dilihat oleh kebanyakan manusia, hakim masih perlu memberi perhatian kepada aspek saksi dan penyaksian tersebut.

Syarak tidak menolak hisab secara mutlak kerana hisab juga digunakan dalam ilmu faraid dan lain-lain. Hadis juga ada menyebutkan tentang mengira dan menulis. Justeru, menulis dan mengira dalam hal penentuan anak bulan ini tidak dihalang oleh syarak. Namun, yang paling sah untuk kita beramal dengan hisab ini hanya sekiranya hisab tidak bertentangan dengan *ru'yah* dan *ru'yah* juga tidak bertentangan dengan hisab.



## KONSEP PENENTUAN ANAK BULAN OLEH *IBN TAYMIYYAH* DALAM KITAB *AL-FATĀWĀ AL-KUBRĀ*

*Ibn Taymiyyah* pernah ditanya oleh sebahagian penduduk sesuatu tempat yang telah melihat anak bulan Zulhijah, tetapi belum ada ketetapan daripada hakim tentang hal tersebut. Maka, timbul persoalan tentang keperluan untuk mereka berpuasa yang secara zahirnya hari itu adalah 9 haribulan Zulhijah, manakala secara batinnya (kemungkinan tersembunyi) hari tersebut adalah 10 haribulan Zulhijah.

Beliau menjawab, perlu berpuasa ke atas mereka pada tarikh 9 haribulan itu sebagaimana yang diketahui oleh orang ramai, walaupun hari tersebut boleh terdapat kemungkinan untuk bertarikh 10 haribulan. Sekiranya *ru'yah* itu benar, maka ia bertepatan dengan hadis dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW, yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, Ibn Majah, al-Tirmidhī dan beliau mensahihkannya, bahawa baginda bersabda:

صَوْمُكُمْ يَوْمَ تَصُومُونَ، وَفِطْرُكُمْ يَوْمَ تَفْطِرُونَ، وَأَضْحَاكُمْ  
يَوْمَ تَضْحُونَ

Maksudnya: “Puasa kalian adalah pada hari kalian (semuanya) berpuasa, hari raya kalian adalah pada hari kalian (semuanya) berhari raya dan korban kalian adalah pada hari kalian (semuanya) melakukan korban.”<sup>4</sup>

Daripada Aisyah RA berkata, Rasulullah SAW telah bersabda:

الْفِطْرُ يَوْمَ يَفْطِرُ النَّاسُ، وَالْأَضْحَى يَوْمَ يُضْحِي النَّاسُ

Maksudnya: “Berbuka kalian (*Aidilfitri*) adalah ketika kalian berbuka dan berqurban kalian (*Aidiladha*) adalah hari di mana kalian berqurban.”<sup>5</sup>

<sup>4</sup> ‘Alī bin ‘Umar, Dāruquṭnī, *Sunan Dāruquṭnī*, “Kitab al-Ṣiyām, Bab al-Ṣiyām” (Dar al-Muid, 2001M), no. hadis 2155/34, 366.

<sup>5</sup> Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad Ibn ‘Īsā Ibn Sawrah Ibn Mūsā, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, “Kitab al-Saum ‘an Rasul Allah Salla Allah Alaihi Wasallam, Bab Ma Ja’a fi al-Fitr wa al-Adha Mata Yakun,” no. hadis 802, 153.

Inilah yang diamalkan oleh seluruh kaum Muslimin. Kemudian beliau memperincikan, sekiranya manusia berwuquf pada hari kesepuluh disebabkan kekeliruan, maka masih diterima wuquf tersebut. Akan tetapi, terdapat perbezaan pendapat bagi mereka yang berwuquf pada hari kelapan disebabkan kekeliruan yang berlaku, maka pendapat daripada Mazhab Maliki dan Hanbali mengatakan bahawa wuquf tersebut adalah sah.<sup>6</sup> Berkata ‘Aisyah RA, “*Sesungguhnya, hari Arafah adalah hari yang diketahui oleh manusia.*” Allah SWT telah mengaitkan hukum arafah itu dengan anak bulan dan juga bulan. Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

*Terjemahan: “Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: “Bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadah haji)”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 189)

Kenampakan anak bulan itu perlu diikuti dengan hebahan kepada orang ramai sekiranya ia muncul di langit. Tidak dinamakan anak bulan jika manusia tidak tahu dan tidak diwar-warkan kenampakannya. Begitu juga dengan perkataan *al-shahr* (bulan) yang diambil daripada perkataan *shuhrah* (terkenal), sekiranya telah masuk sesuatu bulan tetapi tidak diketahui oleh orang lain, maka ia tidak dinamakan sebagai *al-shahr* (bulan). Ibn Taymiyyah turut mengatakan bahawa maksud anak bulan yang sebenar adalah kemunculan anak bulan tersebut mesti dihebohkan atau diwar-warkan kepada orang ramai.

Namun begitu, terdapat golongan yang masih keliru dengan maksud anak bulan. Mereka berpendapat, apabila cahaya bulan itu telah muncul di kaki langit pada awal bulan *kamariah*, maka ia dikira sebagai anak bulan. Kemunculan anak bulan itu diwar-warkan atau dihebohkan kepada orang ramai adalah tidak penting.

Oleh yang demikian, nabi SAW bersabda:

<sup>6</sup> Ibn Taymiyyah, Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā* (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, t.t.), 3: 460-464.

صَوْمُكُمْ يَوْمَ تَصُومُونَ، وَفِطْرُكُمْ يَوْمَ تَفْطُرُونَ، وَأَضْحَاكُمْ  
يَوْمَ تُضْحُونَ

*Maksud: "Puasa kamu adalah pada hari kamu (semua) berpuasa, buka puasa kamu adalah pada hari kamu (semua) berbuka puasa, dan korban kamu adalah pada hari kamu (semua) melakukan korban."*<sup>7</sup>

Hadis di atas menunjukkan bahawa, berpuasa Ramadan, hari raya Aidilfitri, dan Aidiladha itu perlu disambut pada hari yang diketahui umum. Tidak boleh disambut sekiranya tidak diketahui bilakah hari puasa, hari raya Aidilfitri dan Aidiladha.

Sekiranya seorang itu berpuasa pada hari yang diragui, sama ada pada hari 9 Zulhijah atau 10 Zulhijah, maka ulama' membenarkan hal tersebut. Begitu juga apabila mereka meragui tentang malam ke-30 Syaaban, adakah anak bulan telah kelihatan atau tidak? Akan tetapi, mereka berpuasa Ramadan pada hari ke-30 tersebut yang merupakan hari syak. Sesungguhnya, makruh memulakan puasa (Ramadan) pada hari itu kerana asalnya masih dalam bulan Syaaban. Menurut *Ibn Taymiyyah*, tidak diragui bahawa dalam konteks kenampakan anak bulan, berdasarkan hadis sahih dan ittifaq para sahabat mengatakan bahawa tidak boleh berpandukan kepada hisab atau pengiraan ahli bintang (ahli nujum).<sup>8</sup> Sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ، وَلَا نَحْسِبُ، صُومُوا لِرُؤْيَيْتِهِ، وَأَفْطِرُوا  
لِرُؤْيَيْتِهِ

*Maksud: "Sesungguhnya kami ini umat yang buta huruf, tidak menulis dan tidak mengira (menghitung), puasalah kerana (berdasarkan) ru'yah dan berbukalah (raya Aidilfitri) kerana ru'yah."*<sup>9</sup>

<sup>7</sup> 'Alī bin 'Umar, Dāruquṭnī, *Sunan Dāruquṭnī*, "Kitab al-Ṣiyām, Bab al-Ṣiyām" (Dar al-Muid, 2001M), no. hadis 2155/34, 366.

<sup>8</sup> Ibn Taymiyyah, Abī 'Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 460.

<sup>9</sup> Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis 1080.

Dari perspektif Syariah, pengiraan dalam menentukan anak bulan dianggap sebagai sesat menurut pandangan yang muktamad Ia merupakan bidaah dalam agama dan juga merupakan kesilapan dari segi logik akal dan ilmu hisab. Ahli-ahli falak (ahli *hay'ah*) mengetahui bahawa *rukayah* tidak boleh direalisasikan dengan hisab tersebut. Sesungguhnya dalam *hisab*, mereka hanya mengetahui, berapakah darjah di antara bulan dan matahari ketika waktu terbenamnya matahari, tetapi *ru'yah* anak bulan itu bukan boleh ditentukan dengan darjah-darjah tertentu. Ahli falak juga berselisih pendapat mengenai kenampakan anak bulan. Ia bergantung kepada perbezaan ketajaman penglihatan seseorang, perbezaan ketinggian tempat cerapan, perbezaan keadaan cuaca. Sebahagian ahli falak berpandangan bahawa anak bulan boleh dilihat pada ketinggian altitude anak bulan 8 darjah dan sebahagiannya lagimengatakan bahawa anak bulan boleh dilihat pada ketinggian altitude anak bulan 12 darjah.<sup>10</sup>

Hal ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara ahli hisab mengenai altitude untuk anak bulan kelihatan. Ahli falak yang awal seperti Ptolemy tidak pernah bercakap mengenai perkara ini kerana *ru'yah* anak bulan tidak ada kaitan dengan hisab, akan tetapi ahli-ahli falak yang terkemudian seperti *Kushaiz Ad-Dilamy* dan lain-lain menyedari apabila mereka melihat perkaitan hukum syarak dengan anak bulan, maka mereka berpendapat bahawa hisab itu sebagai satu cara untuk merealisasikan *ru'yah*. Akan tetapi, ini bukanlah perkara yang benar dan tidak boleh dikompromi. Bahkan ia merupakan satu kesilapan yang besar. Pengaplikasian darjah altitude ini telah dicuba dan terbukti berlaku banyak perselisihan antara ahli falak, yang mana sebahagian mengatakan anak bulan boleh dilihat dengan darjah altitude tertentu, dan ada juga yang mengatakan tidak boleh dilihat dengan darjah altitude tersebut. Ini disebabkan oleh mereka mengaplikasikan hisab itu pada perkara yang tidak sepatutnya.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Ibn Taymiyyah, Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 460.

<sup>11</sup> *Ibid.*

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dari pendapat *al-Subkī* dan *Ibn Taymiyyah*, penulis mengenal pasti persamaan yang wujud antara kedua-dua tokoh ini yang mana kedua-duanya bersetuju bahawa penetapan awal bulan Hijrah khususnya bagi bulan Ramadan dan Syawal, mesti menggunakan *ru'yah* sebagai penentu. *Ru'yah* merupakan metod utama dalam penentuan awal bulan Hijrah. Umat Islam perlu melihat anak bulan pada tarikh 29 haribulan Syaaban dan juga Ramadan untuk menentukan tarikh keesokan harinya menjadi bulan baru ataupun digenapkan kepada bilangan 30 hari. Hal ini berpandukan kepada ayat al-quran daripada Surah al-Baqarah (189) dan hadis Nabi SAW berkenaan *ru'yah* yang didatangkan oleh *al-Subkī* dan *Ibn Taymiyyah* dalam penulisan mereka.

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ فَلْهُنَّ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

Terjemahan: “Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: “Bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadah haji).”

(Surah al-Baqarah, 2: 189)

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ، وَلَا نَحْسِبُ، صُومُوا لِرُؤْيَيْهِ، وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْهِ

Maksud: “Sesungguhnya kami ini umat yang buta huruf, tidak menulis dan tidak mengira (menghitung), puasalah kerana (berdasarkan) *ru'yah* dan berbukalah (raya aidilfitri) kerana *ru'yah*.”<sup>12</sup>

<sup>12</sup> Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis 1080.

### **Konsep *Imkān al-ru'yah* Menurut *al-Subkī***

*Al-Subkī* menerima konsep *imkān al-ru'yah* untuk diaplikasikan dalam hal penentuan awal bulan Hijrah. Penerimaan ini dikuatkan melalui perbahasan tiga hadis hisab-*ru'yah* yang diketengahkan di dalam kitab fatwanya.

Hadis yang pertama adalah:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا عَقَدَ  
الْإِبْهَامَ فِي الثَّلَاثَةِ وَالشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا يَعْنِي تَمَامَ ثَلَاثِينَ

*Maksudnya: "Sesungguhnya kita adalah umat yang ummi, kita tidak menulis dan tidak menghitung. Bulan itu begini, begini, dan begini." Beliau menggenggam ibu jari pada kali yang ketiga. "Dan bulan itu begini, begini, dan begini." Yakni sempurna tiga puluh.*<sup>13</sup>

Hadis ini menurut *al-Subkī* menunjukkan keharusan menggunakan hisab falak dalam penentuan awal bulan. Isu yang dibincangkan dalam hadis ini adalah berkenaan penolakan terhadap kaedah hisab yang berpandukan kepada kiraan dalam penentuan awal bulan kerana pada zaman dahulu terdapat masyarakat Arab yang tidak tahu menulis ataupun mengira dan sekiranya kaedah hisab ini diterima maka ia akan menyusahkan mereka. Oleh yang demikian, mereka hanya perlu berpandukan kepada kaedah *ru'yah* dalam menentukan awal bulan Hijrah iaitu melihat anak bulan pada setiap 29 haribulan dalam setiap bulan. Sekiranya anak bulan tersebut tidak kelihatan maka bilangan hari pada bulan tersebut akan digenapkan kepada 30 hari.

Jelas bagi *al-Subkī* bahawa hadis ini bukanlah mencegah atau mencela perbuatan mengira atau menulis, bahkan perbuatan mengira dan menulis disarankan oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Mengikut ulama selepas beliau iaitu Shaykh Ahmad

---

<sup>13</sup> Hadis riwayat Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bab Qawl Nabi SAW (Lā naktub wa lā nahsub), no. hadis 1908. Lihat Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhārī al-Ja'afī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Qāhīrah: Al-Mat'baah al-Salafīyyah, 2001), 2: 33.

Shākir<sup>14</sup>, semasa zaman pra-Islam dan semasa zaman awal Islam tidak dapat diragui bahawa orang Arab tidak mempunyai pengetahuan saintifik (*ma'rīfah 'ilmiyyah jāzimah*) tentang ilmu astronomi. Mereka merupakan umat yang buta huruf kerana menulis dan mengira bukanlah menjadi sebahagian budaya lazim mereka. Adapun sesiapa yang mengetahui astronomi pada masa itu hanyalah memahami perkara asas yang diperolehi melalui cerapan dan secara tradisi lisan. Pengetahuan mereka tentang astronomi tidak berdasarkan kepada peraturan matematik dan bukti empirikal (*barahin qat'īyyah*). Dengan alasan inilah Rasulullah SAW menetapkan kalendar Hijrah sebagai asas kepada ibadah dengan ciri-cirinya yang pasti dan boleh dicapai oleh hampir semua orang, iaitu dengan melihat anak bulan dengan menggunakan mata kasar. Ia merupakan piawaian yang terbaik dan ukuran paling tepat untuk menentukan kitaran waktu dan amalan-amalan agama, sepertimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.”

Ahmad Shākir<sup>15</sup> juga berpendapat, perintah supaya bergantung kepada *ru'yah* dalam hal penentuan awal bulan merupakan “*illah* yang berdasarkan *nas* hadis “Kami umat yang buta huruf tidak tahu menulis dan mengira”. Hukum itu bergantung kepada wujud atau tidak sesuatu *illah*. Oleh itu, apabila masyarakat telah keluar daripada keadaan buta huruf dan mendapat kemahiran menulis dan mengira sehingga kebanyakan orang awam mampu mencapai kefahaman hisab yang bersifat (*yaqīn*) dan (*qat'ī*) dalam penentuan anak bulan, maka mereka boleh bergantung kepada hisab yang sudah semestinya kaedah yang lebih baik. Apabila majoriti boleh mengira penyebab hukum (*illah*) iaitu buta huruf akan hilang, maka perlu untuk dicari kaedah lain yang lebih pasti iaitu (*al-yaqīn al-thabit*). Oleh itu, adalah menjadi kewajipan untuk menerima kaedah hisab dalam penentuan awal bulan (*ithbat al-ahillah*) melalui maklumat yang boleh dipercayai daripada orang yang pakar dalam hisab. Masyarakat seharusnya menggunakan *ru'yah* anak bulan kecuali apabila pengetahuan tentang hisab menjadi

---

<sup>14</sup> Ebrahim Moosa, “Shaykh Ahmad Shākir and the Adoption of A Scientifically-Based Lunar Calendar,” *Islamic Law and Society* 1, no. 5 (1998): 57-89.

<sup>15</sup> *Ibid.*

sukar, seperti dalam contoh di mana kawasan luar bandar yang terpencil dan kampung-kampung tidak dapat menerima maklumat. Secara jelasnya, jika maklumat tersebut mudah diterima maka adalah perlu untuk menggunakan hisab disebabkan hilang sebab hukum ('illah) tersebut.

Berhubung ungkapan *ummatun ummiyyatun* itu, al-Qaradhawi<sup>16</sup> menyatakan umat Islam sekarang tidak lagi *ummiyy*, malah mereka sudah dapat menguasai ilmu astronomi. Dengan itu mereka berkemampuan menghitung dan meramal bukan sahaja fenomena alam yang sederhana seperti bulan baru, tetapi juga peristiwa yang lebih rumit seperti gerhana. Hisab wajib digunakan di samping *ru'yah* untuk menentukan permulaan bulan Hijrah dalam semua keadaan, kecuali di tempat yang tiada orang berkemahiran dalam bidang astronomi.

Hadis seterusnya iaitu (فَاكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ) yang bermaksud “sempurnakanlah bilangan Syaaban kepada 30 hari”. Hadis ini menjelaskan tentang kewajipan berpuasa mahupun berbuka iaitu berhari raya apabila anak bulan kelihatan ketika cerapan dilakukan. Tetapi sekiranya pada hari cerapan dilakukan, keadaan langit tidak cerah dan dilitupi awan sehingga menyebabkan anak bulan tersebut tidak dapat dilihat, maka bilangan hari dalam bulan tersebut perlu digenapkan kepada 30 hari. Hal ini menunjukkan bahawa kenampakan dan ketidaknampakan anak bulan ketika proses cerapan dilakukan memberi kesan kepada bilangan hari dalam bulan Hijrah tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis di atas.

Manakala hadis lain yang membincangkan tentang hisab-*ru'yah* ini adalah:

إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ  
فَأَقْدِرُوا لَهُ

*Maksudnya: “Jika kalian melihatnya (anak bulan), maka berpuasalah. Jika kalian melihatnya lagi, maka berhari rayalah. Jika terdapat halangan (mendung),*

<sup>16</sup> Yusuf Al-Qaradawi and Huda Mohsin, *Bagaimana Berinteraksi dengan Al-Sunnah*, ed. Jawiah Dakir (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1994).



*maka takdirkan lah ia.*"<sup>17</sup>

Dalam menjelaskan hadis ini, *al-Subkī* memfokuskan kepada kalimah *faqdurulah*, dengan membawakan dua pendapat. Pertama, perlunya untuk melengkapkan tempoh 30 hari pada bulan Syaaban, seperti mana pada pandangan beliau telah dinyatakan secara jelas dalam hadis pertama dalam kitab Sahih Bukhari. Kedua, pendapat yang mengatakan digenapkan dengan berpandukan kepada hisab falak. Namun begitu pendapat yang paling sahih adalah pendapat yang pertama mengikut *al-Subkī*.

Terdapat pendapat di kalangan ulama menunjukkan bahawa harus berpegang kepada wujud anak bulan dan *imkan al-ru'yah*, sama seperti penentuan waktu solat yang menggunakan hisab perkiraan walaupun pada hari yang terdapat halangan seperti awan, jerebu dan sebagainya.<sup>18</sup> Namun, *al-Subkī* menyatakan bahawa, beliau menolak penetapan permulaan bulan baharu yang berpandukan kepada *ijtima'*, *iqtirān* atau *conjunction*. Namun begitu mengikut *al-Subkī* permulaan bulan yang baharu adalah setelah dipenuhi syarat imkan al-ru'yah. *Al-Subkī* melakukan perincian mengenai syarat *imkān al-ru'yah* ini kepada 3 kategori. Pertama, sekiranya secara pasti tidak *imkan*. Ini bermaksud sekiranya anak bulan berada dibawah ufuk atau jarak bulan terlalu dekat ketika matahari terbenam atau bulan terbenam sebelum matahari terbenam, atau *ijtimak* belum berlaku semasa 29 Syaaban mahupun 29 Ramadan. Maka, maka mudah bagi Hakim untuk menolak penyaksian sekiranya terdapat saksi yang menyatakan anak bulan telah kelihatan pada hari tersebut. Hakim boleh mengenal pasti *imkan* anak bulan melalui pengetahuannya atau perkhabaran daripada seorang atau dua orang yang boleh dipercayai keilmuan mereka. Dengan erti kata lain, Hakim itu menguasai ilmu falak atau mendengar padangan orang yang mahir dalam bidang tersebut. Kedua, bagi keadaan yang mana anak bulan tidak pasti sama ada *imkan* ataupun tidak, maka Hakim perlu memeriksa secara

<sup>17</sup> Hadis riwayat Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bab Qawl al-Nabiyy SAW “Sumū Li Ru'yatihi wa Afthirū Li Ru'yatihi”, no. hadis 1906. Lihat Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhārī al-Ja'afi, *Ṣaḥīḥ Bukhārī* (Damsyiq: Dar Tuqun Najah, 2001), 3: 27.

<sup>18</sup> Al-Subkī, Taqī al-Dīn 'Ali bin Abd al-Kai, *al-Subkī Fatāwā al-Subkī*, 226.

terperinci dan melakukan *ijtihad* berkenaan kenampakan anak bulan tersebut kerana peratusan untuk berlaku kesilapan adalah tinggi. Ini disebabkan secara adatnya anak bulan sulit untuk kelihatan pada hari berkenaan kerana ketinggian, umur mahupun sudut pemisah bulan dan matahari belum memenuhi syarat *imkān al-ru'yah*.

Hakim tidak secara sewenang-wenangnya menolak penyaksian anak bulan tersebut dalam senario terbabit. Akan tetapi Hakim perlu mempertimbangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kenampakan tersebut. Contohnya dari segi logik akal, pada petang tersebut awan tebal di tempat kedudukan anak bulan dicerap, dengan kedudukan anak bulan hampir-hampir memenuhi syarat *imkan al-rukyah*, kemudian anak bulan dilaporkan kelihatan, maka Hakim perlu menolak kesaksian tersebut. Namun, sekiranya anak bulan dilaporkan kelihatan dan kedudukan anak bulan hampir memenuhi syarat *imkān al-ru'yah*, kedudukan anak bulan dicerap tersebut tiada halangan, matahari jelas terbenam tanpa gangguan awan, objek yang dilihat itu merupakan anak bulan bukan rekahan awan mahupun planet Zuhrah, maka Hakim perlu berijtihad mempertimbangkan kesaksian tersebut berdasarkan faktor-faktor pengalaman kenampakan anak bulan.

Ketiga, sekiranya anak bulan tersebut memenuhi *imkan* dan kemungkinan boleh dilihat oleh kebanyakan manusia, Hakim masih perlu memberi perhatian kepada aspek saksi dan penyaksian tersebut.<sup>19</sup> Dalam keadaan tersebut, anak bulan jelas telah memenuhi syarat *imkān al-ru'yah*, namun begitu bukan sewenang-wenangnya Hakim menerima kesaksian anak bulan tanpa usul periksa, seperti adakah bentuk anak bulan tersebut sah, kedudukan anak bulan di tempat yang sepatutnya, jasad samawi yang kelihatan tersebut benar-benar anak bulan bukan jasad samawi yang lain seperti planet mahupun bintang. Justeru *al-Subkī* jelas menitik beratkan tiga elemen penting dalam menerima kesaksian anak bulan, iaitu Hakim, penyaksian dan anak bulan.

Seterusnya menurut *al-Subkī* konsep *imkān al-ru'yah* dibina berdasarkan hukum adat. Mustahil nampak atau tidak nampak anak bulan dari pandangan adat bukannya dari segi akal. Oleh itu,

---

<sup>19</sup> Al-Subkī, Taqī al-Dīn 'Alī bin Abd al-Kafī, *Ad'illah fi Ithbat al-Ahilla*, 106.


apabila anak bulan dihukumkan mustahil untuk kelihatan dari segi adat, maka dilarang kepada hakim untuk menerima penyaksian. Ini menunjukkan *al-Subkī* menerima kaedah pembuktian saintifik iaitu induktif ataupun istiqrā' dalam merumuskan kriteria kenampakan anak bulan. Dalam penemuan astronomi moden, berdasarkan Rajah 1 di bawah, Odeh<sup>20</sup> telah membahagikan kategori kemungkinan anak bulan kelihatan kepada empat kumpulan. Pertama, negara yang dilorekkan dengan warna hijau menunjukkan kemungkinan anak bulan boleh kelihatan dengan menggunakan mata kasar adalah tinggi. Kedua, negara yang dilorekkan dengan warna biru kemungkinan anak bulan boleh kelihatan hanya dengan menggunakan instrumen astronomi. Ketiga, negara yang dilorekkan dengan warna magenta kemungkinan kenampakan bulan sabit menggunakan mata kasar. Keempat, negara yang dilorekkan dengan warna merah kemungkinan anak bulan tidak kelihatan walaupun dengan menggunakan instrumen astronomi.<sup>21</sup> Hal ini dilihat masih selari dengan kosep *imkān al-ru'yah* yang diutarakan oleh *al-Subkī*.

---

<sup>20</sup> Odeh, Mohammad Sh. "New criterion for lunar crescent visibility." *Experimental astronomy* 18, no. 1-3 (2004): 39-64.

<sup>21</sup> Mohammad Odeh, 'Accurate Times', International Astronomical Center (IAC), <http://www.icoproject.org/accut.html?l=en>, dicapai pada 3 April 2019.

Rajah 1 : Kumpulan kategori kemungkinan kenampakan anak bulan menurut astronomi moden



Menurut sejarah, pelbagai percubaan telah dibuat untuk mengemukakan kriteria kenampakan anak bulan sama ada menggunakan pendekatan empirikal dan teoritikal. Kaedah empirikal selalunya digunakan oleh ahli astronomi/falak dalam merumuskan kriteria kenampakan berdasarkan kepada analisis data-data kenampakan anak bulan yang telah dicerap lalu dirumuskan satu kriteria kenampakan yang sesuai. Kaedah teoritikal pula digunakan untuk menyelesaikan masalah dengan melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kenampakan anak bulan kemudian membangunkan model matematik yang deskriptif.<sup>22</sup>

Usaha untuk membangunkan kriteria kenampakan ini bermula sejak zaman Babylon dengan menggunakan kaedah empirikal.<sup>23</sup> Manakala usaha membangunkan kriteria kenampakan anak bulan menggunakan kaedah teoritikal diteruskan oleh ilmuan Islam seperti *Ibn Tariq*, *Habash*, *al-Khawarizmi*, *al-Khazin*, *al-Tabari*, *al-Fahad*, *al-Farghani*, *Thabit Ibn Qurrah*, *al-Battani*, *Ibn Maimon*, *al-Biruni*, *al-Sufi*, *Ibn Sina*, *al-Tusi* dan *al-Kashani*.<sup>24</sup> Pada abad ke-20, pembangunan kriteria kenampakan anak bulan telah diberi perhatian oleh ahli astronomi Muslim mahupun bukan Islam. Hasilnya, muncul kriteria-kriteria baru yang digagaskan oleh Fotheringham (1910), Maunder (1911), Danjon (1936), Bruin (1977), Ilyas (1983b, 1988), Schaefer (1988), Yallop (1998), Caldwell and Laney (1999), Odeh (2004) dan Amir (2014).<sup>25</sup>

Kriteria *Imkān al-ru'yah* secara praktikal telah dikemukakan ketika Muktamar Hilal Bagi Penentuan Permulaan Bulan Hijriah di Istanbul pada 26-29 November 1978 dengan menetapkan

---

<sup>22</sup> Fatoohi, Louay J., Stephenson, F. Richard & Al-Dargazelli, Shetha S., "The Babylonian First Visibility of The Lunar Crescent: Data and Criterion", *Journal for the History of Astronomy* 30 (1999), 51-72.

<sup>23</sup> Sultan, Abdul Haq, "First Visibility of the Lunar Crescent: Beyond Danjon's Limit", *The Observatory* 127 (2007), 53-59.

<sup>24</sup> Schaefer, Bradley E., "Lunar Crescent Visibility", *Quarterly Journal of the Royal Astronomical Society* 37 (1996), 759-768; Ilyas, Mohammad, "Lunar Crescent Visibility Criterion and Islamic Calendar", *Quarterly Journal of the Royal Astronomical Society*, 425-461.

<sup>25</sup> Hasanzadeh, Amir, "Study of Danjon Limit in Moon Crescent Sighting", *Astrophysics and Space Science* 339 (2012), 211-221.

ketinggian hilal tidak kurang dari 5° ketika matahari terbenam serta jarak lengkung hilal-matahari tidak kurang daripada 8° ketika matahari terbenam. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menerima pakai Deklarasi Istanbul 1978 dengan tambahan syarat alternatif iaitu umur hilal tidak kurang dari 8 jam ketika hilal terbenam. Pada 29 Zulkaedah 1412 bersamaan 1 Jun 1992 bertempat di Labuan, Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) telah bersetuju untuk mengubahsuai kriteria *Imkān al-ru'yah* yang sedia ada. Kriteria ini adalah, sebelum matahari terbenam, *ijtima'* telah berlaku pada 29 haribulan Hijrah dan melalui perkiraan kewujudan anak bulan adalah positif serta dapat memenuhi salah satu daripada dua syarat berikut:

- a) Ketika matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk tidak kurang dari 2° dan jarak lengkung hilal-matahari tidak kurang dari 3°, atau;
- b) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam selepas *ijtimak* berlaku.<sup>26</sup>

Kriteria *Imkān al-ru'yah* ini pada mulanya diguna bagi penentuan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijah sahaja, namun pada tahun 1995, Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam telah menetapkan penggunaan kriteria *Imkān al-ru'yah* untuk semua bulan Hijrah dalam pelaksanaan Takwim Hijrah.

Terdapat perbezaan dalam pengamalan penggunaan kriteria *imkān al-ru'yah* bagi negara-negara Islam khususnya di rantau asia tenggara. Sebagaimana yang diketahui bahawa Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei bernaung dalam kesepakatan MABIMS, namun bagi penentuan bulan Ramadan dan Syawal terdapat perbezaan khususnya negara Brunei Darussalam.

Perbezaan ini disebabkan oleh negara Brunei Darussalam menggunakan *ru'yah* sebagai penentu walaupun menerima kriteria

---

<sup>26</sup> Kriteria ini merupakan produk ijtihad ahli falak terdahulu, namun kini pelbagai kritikan dari aspek astronomi/falak telah dilontarkan oleh pelbagai pihak. Bacaan lanjut rujuk Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Penilaian Semula Kriteria Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, Indonesia dan Brunei," (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

*imkān al-ru'yah* yang telah disepakati. Ini menunjukkan bahawa walaupun kedudukan anak bulan telah memenuhi kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS, namun sekiranya anak bulan tidak kelihatan maka akan dicukupkan bilangan hari sebanyak 30 hari dalam bulan Syaaban, Ramadan mahupun Zulkaedah. Hal ini berbeza dengan Malaysia, dan Singapura yang mana akan menjadikan keesokan harinya sebagai 1 Ramadan atau 1 Syawal.<sup>27</sup> Contohnya, pada 1 Ramadan 1440, Malaysia, Indonesia, dan Singapura berpuasa pada tarikh yang sama iaitu pada 6 Mei 2019.<sup>28</sup> Sedangkan negara Brunei walaupun berada dalam kesatuan yang sama menetapkan tarikh 1 Ramadan pada 7 Mei 2019.<sup>29</sup>

Brunei merupakan salah sebuah negara yang menganggotai MABIMS dan menerima konsep *imkān al-ru'yah* dalam penetapan awal bulan Hijrah. Pendirian dan ketetapan Negara Brunei Darussalam dalam penentuan awal bulan-bulan ibadah seperti Ramadan dan Syawal adalah dengan menggunakan kaedah *ru'yah*. *Ru'yah* anak bulan ini dilakukan pada 29 hari bulan selepas matahari terbenam. Jika anak bulan gagal dilihat, sesuatu bulan itu perlu digenapkan kepada 30 hari. Dalam hal ini, kaedah hisab hanya digunakan sebagai panduan perkiraan sahaja dan tidak digunakan untuk mensabitkan awal bulan walaupun posisi bulan telah memenuhi kriteria *imkan al-ru'yah*.<sup>30</sup>

Berdasarkan dalil-dalil daripada al-Qur'an, hadis dan Fatwa YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd Aziz jelas menunjukkan Negara Brunei Darussalam memegang teguh pendapat Mazhab Syafi'i iaitu penentuan awal Syawal hanya boleh dilakukan apabila sabit *ru'yah* anak bulan

---

<sup>27</sup> Hanapi, Mohd Shukri & Shahir Akram Hassan, "Basis for Using the *Ru'yah* Method for Determining the Arrival of Ramadan and Syawal in Brunei Darussalam", *Journal of Islamic Studies* 3, no. 2 (2015), 13-22.

<sup>28</sup> Cnbc Indonesia <https://www.cnbcindonesia.com/news/20190505191032-4-70595/menteri-agama-1-ramadan-jatuh-pada-senin-6-mei-2019> dilihat pada 8 Mei 2019.

<sup>29</sup> Sinar Harian, <https://www.sinarharian.com.my/article/26703/GLOBAL/Brunei-mula-berpuasa-Selasa> dilihat pada 8 Mei 2019.

<sup>30</sup> Syawal, K. P. A. Prosedur Operasi Piawai (SOP) dalam Penentuan Awal Syawal di Negara Brunei Darussalam.



dengan mata kasar.<sup>31</sup> Perkara ini diperkuatkan lagi dengan hasil Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan dan pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) ke-4 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 6-7 Ogos 1993 di Bandar Seri Begawan. Pertemuan tersebut telah menghasilkan satu Garis Panduan Hisab *Ru'yah* Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Antara keputusan dalam pelaksanaan *ru'yah* adalah:

*“Selain hisab, ru'yah dilakukan untuk menentukan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah dengan catatan berikut: Ru'yah awal Zulhijah dilakukan untuk melakukan penyemakan hasil hisab, bukan penentu masuknya awal bulan, kecuali untuk Negara Brunei Darussalam. Indonesia, Malaysia dan Singapura sepakat bahawa jika posisi bulan telah memenuhi kriteria seperti angka II.I (kriteria imkân al-ru'yah) di atas dan bulan tidak berhasil diru'yah, maka awal bulan ditetapkan berdasarkan hisab; sedangkan bagi Negara Brunei Darussalam, awal bulan dilakukan dengan mengistimākan bulan yang sedang berjalan 30 hari.”*

Pengamalan di Brunei ini adalah paling bertepatan dengan pendapat yang dipilih al-Subkī sebagaimana beliau menyatakan bahawa fungsi hisab adalah sebagai pembantu, bukan sebagai penentu.

Dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal Malaysia, Singapura menggunakan kaedah hisab imkan al-rukyah sebagai penentu. Meskipun anak bulan tersebut tidak kelihatan ketika cerapan dilakukan pada 29 Syaaban dan 29 Ramadan sedangkan mengikut hisab falak anak bulan telah memenuhi kriteria *imkân al-ru'yah*, maka keesokan harinya tetap akan dikira sebagai

---

<sup>31</sup> Mimbar Fatwa 5: Koleksi Fatwa Allahyarham YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd Aziz.



bulan baru.<sup>32</sup> Amalan Malaysia dan Singapura ini bukanlah pandangan yang paling *sahih* menurut al-Subkī. Namun begitu, berdasarkan kepada perbincangan di dalam kitab al-Subkī, terdapat pendapat ulama' yang membenarkan kaedah tersebut. Sudah tentu pemerintah di negara-negara terbabit mempunyai alasan tertentu menggunakan kaedah-kaedah tersebut.

### Konsep *Imkān al-Ru'yah* Menurut Ibn Taymiyyah

Ibn Taymiyyah tidak bersetuju dengan penggunaan konsep *imkān al-ru'yah* dalam urusan penetapan awal bulan Hijrah. Penolakan ini adalah berpandukan kepada tiga hadis utama yang diketengahkan oleh Ibn Taymiyyah di dalam kitabnya *al-Fatāwā al-Kubrā* berkenaan hisab-*ru'yah*. Hadis yang pertama adalah:

Daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda:

صَوْمُكُمْ يَوْمَ تَصُومُونَ، وَفِطْرُكُمْ يَوْمَ تَفْطِرُونَ، وَأَضْحَاكُمْ  
يَوْمَ تَضْحُونَ

*“Puasa kamu adalah pada hari kamu berpuasa, berpuasa kamu adalah pada hari kamu berbuka puasa, dan korban kamu adalah pada hari kamu mahu melakukan korban.”*<sup>33</sup>

Hadis yang kedua pula ialah daripada Aisyah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

الْفِطْرُ يَوْمَ يُفْطِرُ النَّاسُ، وَالْأَضْحَى يَوْمَ يُضْحِي النَّاسُ

*“Buka puasa adalah pada hari di mana manusia berbuka dan hari berkorban ialah pada hari di mana*

<sup>32</sup> Nawawi, M., Anwar, M. S., Niri, M. A., & Zainuddin, M. Z., “Kenampakan Anak Bulan di Teluk Kemang: Analisis Mengikut Pandangan Fiqh oleh Yūsuf al-Qaradāwī dan Perspektif Astronomi,” *Jurnal Syariah* 21, no. 1 (2013), 63-74.

<sup>33</sup> ‘Alī bin ‘Umar, Dāruqutnī, *Sunan Dāruqutnī, al-Ṣiyām*, “Bab al-Ṣiyām” (Dar al-Muid, 2001M), no. hadis 2155/34, 366.

*manusia melakukan korban.*”<sup>34</sup>

Hadis yang ketiga dicatatkan dalam kitab ini adalah:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ، وَلَا نَحْسِبُ، صُومُوا لِرُؤُوسِهِ، وَأَفْطِرُوا  
لِرُؤُوسِهِ

*Maksudnya: “Sesungguhnya kami ini umat yang buta huruf, tidak menulis dan tidak mengira (menghitung), puasalah kerana (berdasarkan) ru’yah dan berbukalah (raya Aidulfitri) kerana ru’yah.”*<sup>35</sup>

Menurut Ibn Taymiyyah, hadis-hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa dalam hal penentuan awal bulan Hijrah, seseorang perlu melakukan *ru’yah* pada 29 haribulan setiap bulan dan sekiranya anak bulan kelihatan maka keesokan harinya dikira sebagai bulan yang baru. Sekiranya anak bulan tidak kelihatan, maka bilangan hari dalam bulan semasa akan digenapkan kepada 30 hari dan hari selepasnya baru dikira sebagai bulan yang baru. Berpandukan kepada hadis *inna ummatun ummiyyatun* itu, Ibn Taymiyyah mengatakan bahawa hisab itu suatu yang dilarang dan tidak diperakui syariat.

Menurut perspektif falak kemungkinan anak bulan yang dimaksudkan oleh *Ibn Taimiyyah* adalah anak bulan yang mampu dicerap oleh orang awam, bukanlah anak bulan dengan kriteria yang minimum.<sup>36</sup> Sebagai contoh, jika umur bulan pada 29 haribulan Kamariah melebihi 24 jam, secara adat sekiranya cuaca mengizinkan maka anak bulan tersebut boleh dilihat dengan menggunakan mata kasar.<sup>37</sup> Sudah tentu kebanyakan orang awam mampu melihat anak bulan dengan mata kasar tersebut di ufuk

<sup>34</sup> Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad Ibn ‘Īsā Ibn Sawrah Ibn Mūsā, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, Kitab al-Saum ‘an Rasul Allah Salla Allah Alaihi Wasallam, Bab Ma Ja’a fi al-Fitr wa al-Adha Mata Yakun, no. hadis 802, 153.

<sup>35</sup> Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis 1080.

<sup>36</sup> Ibn Taymiyyah, Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 460-464.

<sup>37</sup> Ilyas, M. “Age as a criterion of Moon’s earliest visibility.” *The Observatory* 103 (1983): 26-28.


barat. Berbanding dengan anak bulan yang dirumuskan oleh kriteria *imkān al-ru'yah* contohnya umur minimum untuk anak bulan dilihat adalah 12 jam.<sup>38</sup> Hal ini menyukarkan bagi orang awam kerana jarang anak bulan boleh kelihatan pada umur tersebut, bahkan ia merupakan rekod dunia yang jarang boleh dilihat. Justeru, anak bulan perlulah boleh dilihat orang orang awam dan disebar luaskan akan kenampakan anak bulan tersebut.

*Ibn Taymiyyah* dalam kitab *al-Fatāwā al-Kubrā* menyebut bahawa pengiraan (hitungan) dalam menentukan anak bulan adalah sesat dari perspektif Syariah kerana ia merupakan bidaah dalam agama dan merupakan kesilapan dari segi logik akal serta ilmu hisab. Ahli-ahli falak (ahli *hay'ah*) hanya mengetahui, berapakah darjah di antara bulan dan matahari ketika waktu terbenamnya matahari, tetapi *ru'yah* anak bulan itu bukan boleh ditentukan dengan darjah-darjah tertentu. Sebagai contoh, dalam hal kenampakan anak bulan, terdapat perselisihan pendapat mengenai kenampakan anak bulan kerana ia bergantung kepada perbezaan ketajaman penglihatan seseorang, perbezaan ketinggian tempat cerapan, perbezaan keadaan cuaca sebagaimana sebahagian ahli falak berpandangan bahawa anak bulan boleh dilihat pada ketinggian altitud (*qaws al-ru'yah*) anak bulan 8 darjah.<sup>39</sup> Terdapat juga ahli falak mengatakan bahawa anak bulan boleh dilihat pada ketinggian altitud anak bulan 12 darjah. Hal ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara ahli hisab mengenai altitud untuk anak bulan kelihatan.

<sup>38</sup> <http://www.icoproject.org/record.html>, dilihat pada 14 Jun 2021.

<sup>39</sup> Ibn Taymiyyah, Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3: 463.

Rajah 2: Penerangan konsep altitude (*qaws al-ru'yah*) yang disebutkan oleh Ibn Taymiyyah



Walaupun dalam perbincangan sebelum ini menyatakan ulama' tidak menolak penggunaan hisab, namun menurut Ibn Taymiyyah terdapat juga ulama' yang menolak penggunaan hisab disebabkan kerana mereka menyamakan ahli hisab dan ahli astrologi (ahli nujum). Mengikut Mustafa al-Zarqa<sup>40</sup> pula, ulama daripada golongan yang awal juga tidak membenarkan masyarakat merujuk kepada kepada ahli hisab dalam penentuan kenampakan anak bulan untuk berpuasa dan menyambut hari raya. Ini kerana hisab mereka didasarkan kepada hukum purata (*ta'dil*). Oleh demikian, hisab tersebut merupakan sesuatu yang bersifat sangkaan (*ẓann*) yang diasaskan di atas agakan (*hadās*) dan tekaan (*takhmīm*). Tambahan pula, pada zaman tersebut tidak ada ilmu astronomi. Antara ilmu yang ada pada zaman tersebut adalah ilmu yang dipanggil dengan ilmu nujum atau ilmu (*tasyir*). Sebagai contoh, ilmu *tasyir* merupakan ilmu yang menganggarkan perjalanan cakerawala dan bintang-bintang berdasarkan hukum (*ta'dil*). Dengan erti kata lain, mereka mengamati perjalanan bintang-bintang daripada waktu-waktu yang terdahulu dan diambil secara bacaan purata, kemudian dikira perjalanan bintang-bintang dan cakerawala tersebut berdasarkan kepada bacaan purata tersebut. Ini dibuktikan dengan pendapat yang diutarakan oleh tokoh-

<sup>40</sup> Muṣṭafā al-Zarqā', *Hawl I'timad al-Hisab*, 935.

tokoh seperti Ibn Hajar<sup>41</sup>, Ibn Bazizah<sup>42</sup>, Ibn Baṭṭal<sup>43</sup>, al-Sindi<sup>44</sup>, al-Abadi<sup>45</sup>, al-Nawawī<sup>46</sup>, al-‘Aini<sup>47</sup> dan al-Qastallani.<sup>48</sup>

Menurut pendapat ulama tersebut, hisab pada zaman mereka berpandukan kepada hisab seperti yang telah dinyatakan. Tambahan pula, ulama pada zaman awal merasa sangsi dan curiga terhadap hubungan yang jelas antara ahli hisab dengan ahli tilik nasib (*‘irafah*), ahli astrologi (*al-tanjim*), bomoh atau pawang (*kihanah*) dan ahli sihir. Dalam hubungan ini, didapati bahawa kebanyakan ahli nujum mengamalkan perkara-perkara yang salah (*baṭil*) yang ditegah oleh syarak. Dapat dinyatakan bahawa, ulama pada zaman yang awal menolak amalan ahli nujum berdasarkan kepada metode hisab yang menggunakan prinsip agakan (*hadās*) dan tekaan (*takhmīm*). Tambahan pula ahli-ahli nujum akan merosakkan pemikiran manusia dengan pembohongan mereka.<sup>49</sup>

Namun kini, kriteria *imkān al-ru'yah* itu dibina bukan berdasarkan agakan ataupun tekaan. Namun, dengan perkembangan sains moden terkini, data-data kenampakan anak bulan yang telah dan tidak kelihatan boleh diakses oleh semua ahli falak/astronomi. Daripada data-data tersebut, ahli falak/astronomi akan menggunakan pendekatan teoritikal mahupun experimental dalam merumuskan kriteria *imkān al-ru'yah*.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat satu persamaan antara

<sup>41</sup> Al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar, 127.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Abu al-Hasan ‘Alī b. Khalf b. ‘Abd al-Malik bin Battal al-Kubra al-Qurtubi, 31

<sup>44</sup> Al-Sindī, Abū Ḥassan al-Ḥanafī, *Hāshiyah al-Sindī ‘ala Sunan al-Nasā’ī* (Halab: Maktabah al-Matbu‘ah al-Islamiyyah, 1986), 4:139.

<sup>45</sup> Abi al-Tayyib Muhammad Sham al-dīn al-Haq al-‘Azim Abadi, 310.

<sup>46</sup> Al-Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn Ibn Sharf, *al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj* (Qāhirah: Matba‘ah Misriyah, 1980), 7: 189.

<sup>47</sup> Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad al- ‘Aini, h. 307.

<sup>48</sup> Ahmad b. Muhammad al-Qastalani, *Irshad al-Sari Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Qāhirah: Dar al-Taba‘ah Maqsiyyah, 1980) 3:359.

<sup>49</sup> Mustafā al-Zarqa’, *Hawl I’timad al-Hisab*, 935.

*Imam Taqī al-Dīn al-Subkī* dan juga *Ibn Taymiyyah* iaitu menerima mekanisme *ru'yah* sebagai penentu dalam penentuan anak bulan Ramadan dan Syawal. Namun begitu, terdapat perbezaan yang jelas berkenaan konsep penerimaan *imkān al-ru'yah* oleh kedua-dua tokoh tersebut. *Imam Taqī al-Dīn al-Subkī* menerima konsep *imkān al-ru'yah* sebagai pembantu dalam mempertimbangkan kasaksian anak bulan. Manakala *Imam Ibn Taymiyyah* menolak konsep *imkān al-ru'yah* disebabkan oleh alasan-alasan tertentu.

## RUJUKAN

- Cnbc Indonesia <https://www.cnbcindonesia.com/news/20190505191032-4-70595/menteri-agama-1-ramadan-jatuh-pada-senin-6-mei-2019> dilihat pada 8 Mei 2019.
- Danjon, André-Louis. "Jeunes et Vieilles Lunes." *l'Astronomie: Bulletin De La Société Astronomique De France* 46 (1932), 57-66.
- Fatoohi, Louay J., Stephenson, F. Richard & Al-Dargazelli, Shetha S. "The Babylonian First Visibility of The Lunar Crescent: Data and Criterion." *Journal for the History of Astronomy* 30 (1999), 51-72.
- Fatoohi, Louay J., Stephenson, Francis Richard & Al-Dargazelli, Shetha S. "The Danjon Limit of First Visibility of the Lunar Crescent", *The Observatory* 118 (1998), 65-72.
- Fotheringham, John Knight, "On the Smallest Visible Phase of the Moon." *Monthly Notices of the Royal Astronomical Society* 70 (1910), 527-531.
- Hanapi, Mohd Shukri & Shahir Akram Hassan. "Basis for Using the *Ru'yah* Method for Determining the Arrival of Ramadan and Syawal in Brunei Darussalam." *Journal of Islamic Studies* 3, no. 2 (2015), 13-22.
- Hasanzadeh, Amir. "Study of Danjon Limit in Moon Crescent Sighting." *Astrophysics and Space Science* 339 (2012), 211-221.
- <http://www.icoproject.org/accut.html?l=en>, 3 April 2019.

- Ibn Taymiyyah, Abī ‘Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm. *al-Fatāwā al-Kubrā*. Bayrūt: Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah, t.t.
- Ilyas, Mohammad. “Limiting Altitude Separation in the New Moon’s First Visibility Criterion.” *Astronomy & Astrophysics* 206 (1988), 133-135.
- Ilyas, Mohammad. “Lunar Crescent Visibility Criterion and Islamic Calendar.” *Quarterly Journal of the Royal Astronomical Society* 35 (1994), 425-461.
- Ilyas, Mohammad. *Sistem Kalendar Islam dari Perspektif Astronomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Islamic Crescent’s Observation Project, dilihat pada 2 April 2019, <http://www.icoproject.org/record.html#optical>.
- Islamic Crescent’s Observation Project, dilihat pada 2 April 2019, <http://www.icoproject.org/record.html>
- McNally, D. “The Length of the Lunar Crescent.” *Quarterly Journal of the Royal Astronomical Society* 24 (1983), 417-429.
- Mimbar Fatwa 5: Koleksi Fatwa Allahyarham YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd Aziz.
- Mohammad Ilyas. “The Danjon Limit of Lunar Visibility: A Re-Examination.” *The Journal of The Royal Astronomical Society of Canada* 77 (1983), 214-219.
- Nawawi, M., Anwar, M. S., Niri, M. A., & Zainuddin, M. Z. “Kenampakan Anak Bulan di Teluk Kemang: Analisis Mengikut Pandangan Fiqh oleh Yūsuf al-Qaradāwī dan Perspektif Astronomi.” *Jurnal Syariah* 21, no. 1 (2013), 63-74.
- Nawawi, Mohd Saiful Anwar Mohd, Saadan Man, Mohd Zambri Zainuddin, Raihana Abdul Wahab & Nurulhuda Ahmad Zaki. “Sejarah Kriteria Kenampakan Anak Bulan di Malaysia.” *Journal of al-Tamaddun* 10, no. 2 (2015), 61-75.
- Nawawi, Mohd Saiful Anwar Mohd. “Penilaian Semula Kriteria Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, Indonesia dan Brunei.” Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

- Odeh, Mohammad Shaukat. "New Criterion for Lunar Crescent Visibility." *Experimental Astronomy* 18 (2004), 39-64.
- Schaefer, Bradley E. "Lunar Crescent Visibility." *Quarterly Journal of the Royal Astronomical Society* 37 (1996), 759-768.
- Sinar Harian, [https://www.sinarharian.com.my/article/26703/GLOBAL/Brunei-mula-berpuasa-Selasa dilihat pada 8 Mei 2019](https://www.sinarharian.com.my/article/26703/GLOBAL/Brunei-mula-berpuasa-Selasa+dilihat+pada+8+Mei+2019).
- Al-Subkī, Abu Al-Hasan Taqī al-Dīn ‘Ali ‘Abd Al-Kafī. *Ad’illah fi Ithbat al-Ahillah*.
- Al-Subkī, Abu Al-Hasan Taqī al-Dīn ‘Ali ‘Abd al-Kafī. *Fatāwā al-Subkī*. Qahirah: Dar al-Ma’arif, t.t.
- Sultan, Abdul Haq. "First Visibility of the Lunar Crescent: Beyond Danjon’s Limit." *The Observatory*, 53.
- Sultan, Abdul Haq. "First Visibility of the Lunar Crescent: Beyond Danjon’s Limit." *The Observatory* 127 (2007), 53-59.
- Syawal, K. P. A. Prosedur Operasi Piawai (Sop) dalam Penentuan Awal Syawal di Negara Brunei Darussalam.